



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PANTANG LARANG DALAM MEMBINA RUMAH DAN BERSAWAH
PADI MASYARAKAT IBAN DI RPAK PENYAU**

Tonirilalahi Anak Adie

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the**16**.....day of.....**JUN**.....2014.

Student's Declaration:

I **TONISILALAH I ANAK ADIE, 33323, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**

----- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled **PANTANG LARANG DALAM MEMBINA RUMAH DAN BERSAWAH PADI MASYARAKAT IBAN DI RAPAK PENYAU** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

16 JUN 2014

Date submitted

TONISILALAH I ANAK ADIE (33323)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **DR NORIA TUGANG** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled **PANTANG LARANG DALAM MEMBINA RUMAH DAN BERSAWAH PADI MASYARAKAT IBAN DI RAPAK PENYAU** (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ART WITH HONOR (ART MANAGEMENT)** (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: DR NORIA AK TUGANG Date: 16 JUN 2014
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(16 JUN 2014)

Supervisor signature: _____
(16 JUN 2014)

Current Address:

Rh. GIMANG RAPAK PENYAU PANTU, 95000 SRI AMAN SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PERAKUAN

Saya mengakui tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

.....

(TONISILALAH ANAK ADIE)

No. Matrik: 33323

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia iaitu Dr Noria Anak Tugang, yang sentiasa menyokong dan membimbing saya sepanjang menjalankan kaian ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah – pensyarah lain yang turut menyumbangkan ilmu yang tidak terhingga.

Ucapan terima kasih juga kepada masyarakat Iban di kampung Rapak Penyau di atas kerjasama yang diberikan. Semoga kampung Rapak Penyau akan terus maju dalam apa jua bidang yang dijalankan pada masa akan datang.

Tidak tinggal juga penghargaan kepada rakan – rakan yang sentiasa bersama - sama saya dalam menjayakan kajian ini iaitu Al-Nazirul Mubin bin Bina, Bibiana Motey Anak Bilon@senang dan rakan – rakan yang lain. Jasa kalian sentiasa dikenang walaupun kita tidak lagi bersama – sama pada masa yang akan datang.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada kedua ibubapa saya yang sentiasa memberi dorongan, sokongan dari segi mental dan juga kewangan dan sentiasa membimbing saya dalam apa jua keadaan terutamanya semasa saya menjalankan kajian ini. Saya sentiasa menyayangi kalian berdua.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pengesahan	I-II
Perakuan	III
Penghargaan	IV
Isi kandungan	V-IX
Abstrak	X
Abstract	XI

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Hipotesis Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	9
2.2 Pengumpulan Data	10

2.2.1 Kaedah Mengumpul Maklumat	10
2.2.2 Maklumat Berkenaan masyarakat Iban	11-14
2.2.3 Data Berkenaan Rumah Panjang.	15-16
2.2.4 Perkaitan Pantang Larang Masyarakat Iban.	16-17
2.2.5 Pantang Larang Petanda Melalui Bunyi Kicauan	
Burung Yang Telah Dikenalpasti	18
2.2.5.1 Ketupung (Rufous Piculet)	19-25
2.2.5.2. Beragai (The Scarlet-Rumped Trogon)	26-31
2.2.5.3 Bejampung (cristed Jay)	32-35
2.2.5.4 Nendak (white-Rumped Shama)	36-40
2.2.5.5 Embuas (Lacedo Pulchella)	41-46
2.2.5.6 Kelabu Papau (Harpactes Diardi)	47-52
2.2.5.7 Pangkas atau Kutok (Blythipicus Rubiginosus)	53-57

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	58
3.2 Lokasi Kajian	58
3.3 Sumber Data	58
3.4 Data primer	59

3.4.1	Pemerhatian	59
3.4.2	Pemerhatian turut Serta	59
3.4.3	Temuramah	60
3.5	Data Sekunder	61
3.5.1	Kajian Perpustakaan	61
3.6	Kawasan Kajian	61
3.7	Limitasi Kajian	62
3.8	Rumusan	63
BAB 4 ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	64
4.2	Analisa Data	65
4.2.1	Pantang larang dalam membina rumah. yang masih lagi diamalkan.	66-84
4.2.2	Pantang Larang Dalam Membina Rumah Yang Tidak Lagi Diamalkan.	85-87
4.2.3	Pantang larang dalam bersawah padi yang masih diamalkan.	88-97

4.2.4 Pantang larang dalam bersawah padi yang tidak diamankan lagi.	98-100
4.3 Pantang larang melalui kuasa luar biasa.	101
4.3.1 Mimpi.	101-102
4.3.2 Bunyi Burung.	102-103
4.4 Analisa pendapat responden tentang faktor yang menyebabkan sebahagian pantang larang dalam membina rumah dan bersawah padi tidak diamankan lagi.	104
4.4.1 Kekurangan tenaga pakar dalam pantang larang.	104
4.4.2 Pegangan Agama Kristian	104
4.4.3 Pendidikan	105
4.4.4 Teknologi	105
4.5 Dapatan Kajian	106
4.6 Pengujian Hipotesis.	107
4.7 Hasil analisis kajian	108
4.8 Rumusan	108

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Kesimpulan

109

5.2 Cadangan

110

5.3 Cadangan penyelidikan pada masa depan.

111-

112

GLOSARI

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 4

LAMPIRAN 5

ABSTRAK

Penyelidikan ini memberi fokus kepada perubahan pantang larang masyarakat Iban di kawasan Rapak Penyau. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji perubahan yang berlaku terhadap pantang larang masyarakat Iban di kawasan Rapak Penyau. Selain itu, kajian ini juga member tumpuan kepada penggunaan pantang larang dalam aktiviti bersawah padi dan aktiviti membina rumah. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti factor-faktor yang mendorong kepada perubahan pantang larang yang digunakan sejak dahulu kala. Kajian ini penting sebagai salah satu langkah untuk memelihara budaya yang telah diamalkan sejak dahulu kala lagi supaya tidak hilang ditelan zaman.

ABSTRACT

This research focuses on changes in the Iban taboo in Rapak Penyau. This study is to examine the changes that occur to the Iban taboo in Rapak Penyau. In addition, this study focuses on the use of member taboos in paddy planting activities and home building activities. This study was performed to identify the factors contributing to the change taboos used since ancient days. This study is important as a measure to preserve the culture that has been practiced since immemorial times that would not be lost.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Suku kaum Iban ini majoriti terdapat di Sarawak, segelintir di Sabah dan Semenanjung Malaysia. Mereka dahulunya dikenali sebagai 'sea dayak' semasa zaman penjajahan British.

Suku kaum Iban ini terkenal pada zaman dahulu dengan pengamalan pemburuan kepala sesama suku puak dayak dari wilayah yang berbeza. Oleh sebab yang demikian, suku kaum Iban sangat digeruni pada satu ketika dahulu. Selain daripada itu, suku kaum Iban juga merupakan suku kaum yang berjaya dalam peperangan. Suku kaum ini kini tidak lagi mengamalkan pemburuan kepala. Suku kaum ini tinggal di rumah panjang yang dikenali sebagai 'rumah panjai'. Asal-usul nama Iban adalah misteri, walaupun banyak teori wujud. Semasa era penjajahan British, kaum Iban telah dipanggil 'dayak laut' [SEA DAYAK].

Kebanyakan kaum Iban tinggal berkampung di rumah panjang yang kebiasaanya terletak di tebingan sungai dan di tepi jalan raya bagi mempermudah aktiviti kerja, berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain. Amalan cara hidup yang diamalkan adalah berlandaskan hukum adat, pantang-larang, tolak-ansur dan berteraskan perhubungan persaudaraan yang erat antara satu sama lain. Kebanyakan masyarakat Iban pada hari ini menerima agama Kristian sebagai pegangan, tetapi dalam masa yang sama

masih mengekalkan nilai adat resam dan ciri-ciri kebudayaan yang menjadi lambang tradisi masyarakat Iban.

Orang Iban pada zaman dahulu banyak tinggal di lembah sungai Saribas, sungai Skrang, Sungai Batang Lupar dan Sungai Rajang. Kaum Iban adalah kaum yang mengamalkan banyak budaya yang menarik. Mereka hidup bermasyarakat dan mendiami rumah-rumah panjang. Setiap rumah panjang pula akan diketuai oleh seorang ketua kampung yang dipanggil Tuai Rumah. Kebanyakan masyarakat Iban sekarang telah menetap di bandar-bandar besar di sekitar Negeri Sarawak.

Dari sudut ekonomi pula, masyarakat Iban mengamalkan ekonomi sara diri dengan aktiviti pertanian. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban menjalankan aktiviti pertanian seperti menanam padi bukit dan padi huma. Selain itu, masyarakat Iban juga gemar berburu dan menangkap ikan di sungai. Hal ini demikian kerana mereka sering membina penempatan berdekatan dengan sungai bagi memudahkan mengangkut padi dan pergi ke tanah tempat mereka bercucuk tanam. Mereka menggunakan perahu untuk pergi ke sesuatu tempat melalui sungai. Dalam aktiviti berburu iaitu 'ngasu' dilakukan dalam sekumpulan penduduk yang mempunyai kepakaran seperti menjejak binatang dan menahan perangkap iaitu 'panjok' dalam bahasa Iban.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kampung Rapak Penyau yang diketuai oleh Tuai Rumah Gimang merupakan satu penempatan masyarakat Iban di Kawasan Pantu. Perkampungan masyarakat Iban di kawasan ini telah mengalami banyak perubahan dari aspek perumahan, aktiviti ekonomi dan pengamalan pantang larang.

Perubahan yang paling ketara di kawasan ini ialah dari aspek rumah. Hal ini terjadi kerana terdapatnya fasiliti yang lebih baik mendorong kepada perubahan. Sebagai contoh, kawasan Rapak Penyau kini telah mempunyai bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Secara tidak langsung corak kehidupan masyarakat Iban di kawasan ini turut berubah kepada taraf yang lebih baik berbanding pada masa dahulu. Walau bagaimanapun masih terdapat pengamalan pantang larang dalam aktiviti kehidupan mereka. Masyarakat di kawasan ini masih lagi mengamalkan sebahagian daripada pantang larang yang diamalkan sejak dahulu kala walaupun telah mengalami banyak perubahan.

1.3 Permasalahan Kajian

1. Golongan muda kurang minat dalam mempelajari pantang larang dalam membina rumah dan bersawah padi.
2. Kurang pendedahan tentang pantang larang dalam membina rumah dan bersawah padi kepada golongan muda.
3. Kurangnya maklumat tentang pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Iban di Rapak Penyau

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pantang larang yang masih diamalkan oleh suku kaum masyarakat Iban yang terdapat di Kampung Rapak. Kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti pantang larang yang telah mengalami perubahan dari masa ke semasa. Disamping itu juga kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pantang larang yang telah tidak diamalkan lagi pada masa ini.

Selain daripada itu, kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pantang larang suku kaum masyarakat Iban tidak lagi diamalkan.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dibuat, penyelidik mengandaikan bahawa :

- a) Golongan muda kurang pengetahuan tentang pantang larang yang diamalkan sejak dahulu kala menyebabkan sejenis pantang larang itu tidak lagi diamalkan.
- b) Kebanyakan golongan tua yang berkemahiran dalam pantang larang telah meninggal dunia menyebabkan banyak pantang larang asal tidak lagi diamalkan.
- c) Pegangan agama kristian sedikit sebanyak menyebabkan pantang larang yang diamalkan dahulu kala tidak lagi digunakan.
- d) Faktor pendidikan menyebabkan golongan muda kini tiada kemahiran berkenaan pantang larang dalam membina rumah dan bersawah padi.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu pada golongan tua dan golongan muda kaum Iban. Kajian ini tertumpu pada pihak yang berkenaan supaya mereka dapat memberi perhatian dalam usaha mengekalkan pantang larang yang sedia ada. Selain itu, dengan ada kajian ini akan dapat membantu dalam mengekalkan pantang larang yang telah diamalkan sejak turun temurun lagi. Selaras dengan itu juga, kajian ini dapat menjadi sumber untuk mengenalpasti yang telah diamalkan dari dahulu kala lagi di kawasan Rapak Penyau ini. Selain daripada itu, kajian ini tertumpu kepada kawasan kajian iaitu kawasan Rapak Penyau. Tinjauan lokasi ini mengenai keadaan kehidupan penduduk kawasan Rapak Penyau dan suasana yang memberi kesan serta menyebabkan pantang larang yang sering diamalkan kian hilang ditelan zaman.

1.7 Kepentingan Kajian

Pantang larang merupakan satu aset bagi masyarakat Iban dan ianya merupakan satu tanda keunikan masyarakat Iban. Oleh itu, ia haruslah dikekalkan walaupun tidak diamalkan lagi oleh golongan muda zaman ini.

Kepentingan kajian ini juga adalah sebagai satu kajian untuk mengenalpasti pantang larang yang sudah lagi tidak diamalkan oleh masyarakat Iban di Rapak Penyau. Selain daripada itu, kajian ini juga sebagai salah satu langkah dalam mengekalkan pantang larang masyarakat Iban. Sekurang-kurangnya dengan adanya kajian ini akan dapat menjadi sebuah rujukan tentang pantang larang masyarakat Iban.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini akan membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik yang akan membincangkan kajian yang dilakukan oleh para pengkaji yang lepas. Kajian yang diambil kira oleh penyelidik merangkumi kajian yang berkait rapat dengan suku kaum Iban. Kajian yang lepas adalah sangat penting untuk membantu mengukuhkan lagi data di dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik sendiri. Antara sumber-sumber yang dijadikan rujukan oleh penyelidik ialah buku, sumber internet, majalah dan jurnal.

Di dalam buku Kaedah Penyelidikan yang ditulis oleh Chua Yan Piaw menyatakan bahawa kajian literatur juga dikenali sebagai tinjauan literatur atau sorotan literatur. Kajian literatur juga didefinisi sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data atau kaedah memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan.

2.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang kajian yang dikaji oleh pengkaji. Terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan data untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan di dalam kajian yang dilakukan.

2.2.1 Kaedah Mengumpul Maklumat

Terdapat banyak cara untuk kita mengumpul maklumat tentang topik yang kita kaji. Salah satu daripadanya ialah temu ramah. Kaedah ini adalah proses soal jawab diantara penemubual dan responden yang terpilih.

Berdasarkan buku Basic Marketing Research yang ditulis oleh Gilbert A Churchill, Jr dan Tom J. Brown menyatakan bahawa “Personal Interview” merupakan perbualan secara langsung antara wakil kepada organisasi yang melakukan penyelidikan, penemu ramah dan responden atau individu yang ditemu duga.

“...personal interview mean direct, face to face conversation between a representative of the research organisation, the interviewer and the respondent or interviewee...”.

(Gilbert A Churchill, Jr dan Tom J. Brown. Basic Marketing Research, sixth edition)

2.2.2 Maklumat Berkenaan Masyarakat Iban

Wikipedia Bahasa Melayu

Berdasarkan Wikipedia Bahasa Melayu Kaum Iban dahulu dikenali sebagai Dayak Laut dengan jumlah sebanyak 876,000, iaitu 40% daripada jumlah penduduk Sarawak, kaum Iban merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sarawak.

The Iban Of Sarawak, Vinson H Sutlive, 1978

Menurut Sutlive (2001) dalam bukunya yang bertajuk The Iban Of Sarawak ada menyatakan bahawa Tuai Rumah (individu yang bertanggungjawab terhadap anak-anak buahnya dan juga aktiviti yang dijalankan dirumah panjang jagaannya.)

Menurut Sultive (2001), dalam masyarakat Iban , adat adalah kod kehidupan malah ia bukan sahaja melibatkan hubungan sesama manusia malah turut melibatkan hubungan dengan Petara (tuhan) dalam masyarakat Iban.

Tom- Harrison, The Sarawak Iban. The Sarawak Meseum Journal, Vol.XIII, hal.4

Di dalam buku The Sarawak Iban hasil karya Tom- Harrison menyatakan bahawa kaum Iban merupakan kaum yang agresif. Pada zaman dahulu, kaum Iban bukan hanya menawan musuh-musuh dan merampas harta-harta mereka tetapi Juga cuba meniru cara hidup musuh-musuh mereka.

Litaricha Iban, Dr Chemaline Anak Usop

Di dalam buku ini ada menyatakan bahawa asal nama “IBAN” berasal dari masyarakat Iban dari Nanga Ngemah, Batang Rajang. Masyarakat Iban di kawasan ini menyatakan bahawa terdapat penduduk mereka yang bermimpi bahawa Kemping Padi menyatakan bahawa anaknya Balang (Balai Nyabong) sememangnya dihantar oleh masyarakat Panggau Libau ke dunia untuk menjadi Raja Iban

Di dalam buku ini juga ada menyatakan bahawa dahulu kala dikenali juga sebagai Sea Dayaks. Ini berikutan dengan banyak kaum Iban pada zaman dahulu membantu kaum Melayu berperang melawan perompak di laut. Para perompak ini sering menyerang kaum Melayu yang tinggal berhampiran dengan pantai. Oleh sebab selalu dilihat oleh masyarakat lain di laut menyebabkan kaum Iban dikenali sebagai Sea Dayaks.

“...bala raban bansa dikelala orang ribai
seperugan enggau raban bansa asal (kaum
pribumi)bukai ti dikumbai Dayak tang kitai Iban
menya suah dikumbai orang Sea Dayaks. Kebuah
iya,laban mayuh kitai Iban mantu orang Melayu
beperang ngelaban penerumpak (lanun) ba
tasik. Bala penerumpak tu selalu nyerang sida
Melayu ti diau semak tasik.....ketegal ti suah
dipeda bala ribai merau matau tasik,nya lalu
ngujungka sida iya ngumbai Iban tu Sea
Dayaks...”.